

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI ISNIN, 22 MEI 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 32**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1522-L19625  
**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pekerjaan sebenar yang diwujudkan hasil daripada pelaburan langsung asing (FDI) sejak 2017 hingga 2022.
2. PR-1522-L20988  
**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar-dasar baharu dan drastik yang telah dilaksanakan semenjak memimpin Malaysia bagi melonjakkan ekonomi negara, dengan mengambil kira risiko pengucupan ekonomi dunia.
3. PR-1522-L20579  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Damansara ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan inisiatif yang telah dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan dalam mempromosikan perniagaan digital dan langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi berkaitan dalam membantu syarikat-syarikat tempatan di pasaran global.
4. PR-1522-L20430  
**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal Akta Pembelaan Awam bagi menyediakan perkhidmatan bantuan guaman membabitkan kes jenayah di negara ini agar rakyat yang kurang berkemampuan turut mendapat akses kepada keadilan dan pembelaan sewajarnya.

5. PR-1522-L20044

**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah respon Kementerian mengenai realiti situasi semasa yang menyaksikan berlakunya penurunan kuasa untuk membeli dalam kalangan pengguna ketika di musim bulan puasa dan perayaan Aidilfitri baru-baru ini di mana harga barang asas telah naik dengan ketara.

6. PR-1522-L20130

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kesiagaan aset Sukhoi 30-MKM milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) khususnya melibatkan alat ganti pesawat berkenaan memandangkan berlakunya sekatan ekonomi oleh negara Barat terhadap Rusia yang juga merupakan pengeluar asal pesawat berkenaan.

7. PR-1522-L19860

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan penjelasan berkenaan perkembangan hala tuju dan pembangunan terkini inisiatif 5G..

8. PR-1522-L20922

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) prestasi semasa Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) dalam merealisasikan hasrat murni menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan unggul menjelang tahun 2030; dan
- (b) adakah pihak Kementerian masih meneruskan inisiatif yang diperkenalkan melalui DKN 2030 dan apakah bidang industri utama yang sedang menjadi fokus dalam tahun 2023-2025 .

9. PR-1522-L19570

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak sejak penubuhannya dan apakah wawasan bahagian ini *moving forward*.

10. PR-1522-L19602

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah dan strategi Kementerian untuk menangani isu bilangan kemasukan pelajar ke IPTA (universiti awam dan politeknik khususnya) yang rendah dan '*trend*' menurun akhir-akhir ini sehingga ada yang mencapai hanya 60% dari '*capacity*'.

11. PR-1522-L20637

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh mana keberhasilan program IPR dalam meningkatkan ekonomi golongan B40, dalam usaha Kerajaan mengurangkan jurang pendapatan.

12. PR-1522-L20492

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Madani terhadap cadangan yang pernah dilontarkan dan diusahakan oleh Kerajaan sebelum ini berkaitan Penubuhan Suruhanjaya Patuh Syariah yang bukan sahaja memberi fokus kepada isu-isu Halal industri makanan tetapi juga terhadap isu muamalah, kewangan dan sebagainya.

13. PR-1522-L19773

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan usaha untuk meningkatkan celik media atau celik digital untuk mencegah masalah disinformasi serta usaha untuk menggalakkan semakan fakta pihak ketiga selain daripada platform yang dikelola oleh Kerajaan.

14. PR-1522-L19801

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperkasa peranan Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) dalam konteks perpaduan dan sejauh mana perancangan untuk menyerap pegawai-pegawai kontrak J-KOM ke lantikan tetap sebagai langkah pemerkasaan J-KOM.

15. PR-1522-L19524

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status terkini berkenaan cadangan Kementerian untuk membangunkan aplikasi Menu Rahmah yang membolehkan rakyat mengenal pasti premis-premis yang menawarkan menu ini.

16. PR-1522-L20385

**Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula Paras Garis Kemiskinan dan paras pendapatan miskin tegar memandangkan paras harga dan inflasi yang tinggi akhir-akhir ini berbanding tahun 2018 dan 2019.

17. PR-1522-L19590

**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam mewujudkan persaingan sihat antara peniaga khususnya penggiat PMKS yang menggunakan platform e-dagang sebagai platform niaga mereka memandangkan ada kajian antarabangsa yang mendapati bahawa penyedia platform e-dagang mengawal ekosistem perniagaan yang menyekat persaingan.

18. PR-1522-L20657

**Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [ Pagoh ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi kenaikan harga barang dan kos sara hidup melampau sehingga membebankan rakyat berpendapatan rendah dan menengah dalam keadaan inflasi yang dikatakan kekal stabil.

19. PR-1522-L19853

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Syarikat Pharmaniaga dilaporkan mencatatkan kerugian RM 607.32 juta justeru mencetuskan kriteria PN17 yang berisiko tinggi dinyahsenarai dari Bursa Malaysia.

20. PR-1522-L20404

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha Kementerian dalam merombak Proses Perolehan Pertahanan untuk mengelak daripada wujudnya unsur ketirisan, rasuah dan salah guna kuasa yang kerap berlaku dalam perolehan dan penyelenggaraan aset pertahanan.

21. PR-1522-L19751

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah atau akan meminta Kerajaan China bagi membawa pulang ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low ke negara ini dan bilakah beliau akan dibawa pulang dan syarat-syaratnya.

22. PR-1522-L19624

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) bersih dari China yang diterima Malaysia sejak 2017 hingga 2022.

23. PR-1522-L20465

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi lawatan Perdana Menteri ke negara luar dari Januari hingga Mac 2023; dan
- (b) nyatakan hasil pelaburan yang sebenar dari lawatan tersebut.

24. PR-1522-L20277

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia membentang dan membahas laporan tahunan SUHAKAM di Dewan Rakyat bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 serta garis masa bagi pembentangan tersebut.

25. PR-1522-L20703

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyemak semula tempoh untuk dilantik perjawatan tetap bagi kakitangan kontrak daripada tempoh antara 10-15 tahun kepada tempoh yang lebih singkat.

26. PR-1522-L20983

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Akta Pemberi Maklumat 2010 akan ditambah baik dalam sidang ini yang melibatkan Seksyen-Seksyen 6, 8 dan 11 untuk:-

- (a) memperluaskan badan yang berkelayakan untuk menerima aduan pemberi maklumat; dan
- (b) menubuhkan sebuah agensi bebas untuk mengkoordinasikan Akta tersebut dan memastikan pemberi maklumat dilindungi .

27. PR-1522-L20749

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi isu capaian rangkaian internet dan telekomunikasi di sesetengah kawasan pendalam yang semakin teruk, sedangkan caj yang dikenakan pembekal perkhidmatan amat tinggi namun tidak setimpal dengan mutu perkhidmatan yang diberikan.

28. PR-1522-L20622

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) status semasa Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen; dan

(b) menyediakan garis masa yang jelas untuk membentangkan Rang Undang-undang tersebut.

29. PR-1522-L20344

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini penerima bantuan di dalam pengkalan Data e-Kasih.

30. PR-1522-L19833

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan relevan dan cabaran kepada Dasar Automotif Kerajaan 2020 memandangkan kebangkitan industri Kenderaan Elektrik (EV) dan ratifikasi FTA seperti RCEP dan CPTPP.

31. PR-1522-L20421

**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah faktor-faktor kegagalan Malaysia sehingga tidak berjaya seiring dengan Korea Selatan dan Singapura yang telah berjaya menjadi '*high income nation*' dengan mentransformasi ekonomi kepada perkhidmatan dan '*knowledge economy*' walaupun bermula pada tahap yang sama pada tahun 1960-an.

32. PR-1522-L21027

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah keberhasilan Kluster Kebolehcapaian (KBC) yang diterajui oleh Kementerian dan diselaraskan oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) di dalam memastikan kebolehcapaian kepada akses bekalan makanan pada harga yang wajar dan bertepatan dengan kuasa beli rakyat pada masa kini.

33. PR-1522-L20923

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian menjalin kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam memantau kebajikan mahasiswa khususnya di negeri Perlis, Sabah dan Kelantan yang dikatakan masih tidak mempunyai eluan kerja setimpal semasa menjalankan latihan industri; dan
- (b) adakah Kementerian ada perancangan untuk mencadangkan agar diperkenal rang undang-undang khas dalam melindungi mahasiswa daripada menjadi buruh percuma sedangkan mereka menjalani latihan industri bagi memenuhi keperluan bergraduat.

34. PR-1522-L20206

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengambil kira universiti swasta sebagai universiti yang diiktiraf dalam senarai penerima pinjaman/biasiswa daripada JPA.

35. PR-1522-L20650

**Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [ Pagoh ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan butiran komitmen pelaburan dari China bernilai RM170 bilion yang telah pun diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melibatkan 19 Perjanjian Persefahaman (MoU) pada awal bulan April 2023.

36. PR-1522-L19637

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjong Karang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan pegawai khidmat lantikan kontrak bagi setiap pejabat Menteri dan Timbalan Menteri serta kos semasa yang sedang ditanggung oleh Kerajaan buat masa ini, selari dengan langkah penjimatan dan pengurangan pembaziran wang oleh Kerajaan semasa perkara ini harus lebih dilihat "*transparent*" dengan izin.

37. PR-1522-L20149

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan komitmen, inisiatif serta strategi Kementerian untuk menentukan segala program dan belanjawan tahun ini untuk kumpulan sasar seperti pengusaha mikro, kecil dan sederhana bagi meningkatkan ekonomi mereka akan dilaksanakan dengan efektif dan berkesan.

38. PR-1522-L20686

**Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [ Tasek Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bersetuju Kerajaan Negeri boleh mempunyai undang-undang yang bercanggah dengan Kerajaan Persekutuan, contohnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menggunakan undang-undang yang amat berbeza dengan Persekutuan dalam hal lompat parti.

39. PR-1522-L20629

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apa usaha Kerajaan mengembangkan penggunaan *Artificial Intelligence* dalam meningkatkan pertahanan negara dalam mendepani ancaman masa depan yang lebih mencabar.

40. PR-1522-L19646

**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan daripada lebih 37,000 usahawan yang gulung tikar kesan daripada pandemic COVID-19 yang berpanjangan, berapa ramai usahawan yang telah berjaya dibantu dan berapa ramai yang berjaya bangkit semula memulakan perniagaan dengan berjaya serta apa sokongan Kementerian untuk memastikan usahawan usahawan mendapat motivasi secukupnya.

41. PR-1522-L19757

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan penjelasan tentang impak daripada isu kenaikan harga produk tenusu terutamanya susu formula kanak-kanak dan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha menstabilkan harga produk susu demi kebajikan rakyat.

42. PR-1522-L20526

**Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah strategik berdasarkan pendekatan *whole of government* bagi membendung sebarang usaha menormalisasi budaya songsang LGBT dalam negara pada hari ini.

43. PR-1522-L19882

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar kejayaan pelaksanaan bantuan dana Program PANTAS (Program Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah) bagi mempercepatkan penyukatan dan pengeluaran geran tanah *Native Title* (NT) di Sabah.

44. PR-1522-L20709

**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian kos penganjuran Jelajah Rumah Terbuka Malaysia MADANI termasuk aspek logistik serta penglibatan Kementerian dan jentera Kerajaan di 6 buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu antara 29 April hingga 14 Mei 2023.

45. PR-1522-L20052

**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan kedudukan peratusan pembangunan internet jalur lebar terkini di kawasan Parlimen Batang Sadong.

46. PR-1522-L20439

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah proses-proses dan tindakan yang diambil dan dijalankan oleh SKMM dan PDRM sebaik laporan dibuat mangsa *scammer*, masa bertindak dan pemakluman tindakan.

47. PR-1522-L20091

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimanakah Digital Free Trade Zone (DFTZ) boleh memastikan peniaga-peniaga SMEs dan MSMEs tempatan memperolehi peluang yang sama untuk mengekport produk-produk mereka, berbanding dengan peniaga-peniaga asing yang mengimport produk ke dalam Malaysia.

48. PR-1522-L20973

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah konkrit dilakukan Kerajaan dalam meringankan beban peneroka FELDA tentang isu hutang FELDA berikutan Kerajaan tidak meneruskan lagi inisiatif pelupusan hutang RM8 bilion peneroka FELDA.

49. PR-1522-L20940

**Dr. Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sebab utama slot takbir raya Ahli-Ahli Parlimen Perikatan Nasional dibatalkan di saat-saat akhir oleh TV3.

50. PR-1522-L19675

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status cadangan Kelab Parlimen Malaysia, sebuah kelab rekreasi untuk Ahli Parlimen, Senator, kakitangan dan ahli sektor korporat, dan siapakah Menteri atau kabinet mana yang meluluskan cadangan kelab 5 bintang tersebut.

51. PR-1522-L20987

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk transformasi politik Malaysia Madani agar tindak-tanduk Kerajaan tidak dilihat berasaskan permusuhan dengan pembangkang, menyihir pengkritik serta bukannya melaksanakan dasar yang bersifat politik partisan.

52. PR-1522-L19979

**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keseriusan dan kesiapsiagaan aset-aset pertahanan negara di semua sempadan negeri Sarawak terutamanya di Beting Patinggi Ali yang semakin jelas sering dicerobohi oleh negara asing sekaligus mengancam keselamatan dan kedaulatan negara.

53. PR-1522-L20738

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah hutang PTPTN yang diambil oleh mahasiswa di universiti/kolej universiti dan kolej swasta di seluruh Malaysia serta berikan perincian mengikut universiti/kolej universiti dan kolej dari 2015-2023.

54. PR-1522-L19841

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi memastikan dasar diselaraskan antara konsep visi MADANI dan polisi yang diwarisi oleh Kerajaan sedia ada, dan bagaimana ini boleh ditampilkan dalam silibus sekolah dan juga kokurikulum untuk setiap peringkat persekolahan, dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti.

55. PR-1522-L20446

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dan akan diambil untuk menyebar luas kesedaran *online scamming* supaya rakyat tidak tertipu dan apakah ianya berkesan.

56. PR-1522-L21041

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur dilihat baik bagi membantu usahawan seperti pemandu Grabfood, Shopeefood, Foodpanda dan lain-lain untuk mendapat pembiayaan pembelian motorsikal. Adakah Kementerian berhasrat untuk membesarkan peruntukan kepada TEKUN dan memperbanyakkan kategori pembiayaan untuk membantu golongan sasaran seperti ini.

57. PR-1522-L20639

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan dalam menangani isu perumahan Generasi Baharu FELDA yang terbengkalai dan jangka masa untuk menyelesaiannya.

58. PR-1522-L19817

**Tuan Tan Kar Hing [ Gopeng ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sama ada draf undang-undang serta penubuhan majlis media dapat merangkumi etika kewartawanan dan garis panduan melaporkan kes bunuh diri, seperti apa yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia agar berita sensasi, palsu atau pendedahan berpanjangan dapat dielakkan.

59. PR-1522-L20799

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) berapa kalikah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah bermesyuarat selepas Kerajaan campuran PH-BN ditubuhkan dan apakah keputusan berimpak tinggi yang telah dibuat oleh NACCOL seperti yang telah dijanjikan; dan
- (b) apakah perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang Kerajaan untuk menangani bebanan kos sara hidup yang tinggi.

60. PR-1522-L19488

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh Kerajaan sekarang untuk menilai semula perjanjian dengan Goldman Sachs Group Inc dengan Kerajaan Malaysia berkaitan 1MDB supaya bank Amerika Syarikat tersebut yang berhutang dengan Malaysia angkara rasuah dan penyelewengannya membayar balik kepada Malaysia dengan jumlah yang lebih tinggi daripada yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia sebelum.

61. PR-1522-L20260

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memperkasakan dan memperhebat lagi sektor barang buatan atau keluaran tempatan dan apakah perkembangan terkini terhadap cadangan mengadakan Karnival Jualan Barang Tempatan Berskala Mega.

62. PR-1522-L20166

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah usaha dan langkah proaktif Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan bantuan guaman di Tawau dan apakah kesediaan Kerajaan untuk membuka/membina pejabat bantuan guaman ini di Parlimen Tawau.

63. PR-1522-L20892

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status kemajuan kajian kaedah pengukuran baharu bagi menggantikan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang mengukur kemiskinan mutlak dan bilakah anggaran kebolehlaksanaan kaedah baharu tersebut di peringkat lapangan.

64. PR-1522-L20619

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) perkembangan siasatan polis terhadap laporan yang dibuat pada 30 November 2018 dan 16 Januari 2019 oleh pengurusan baharu Lembaga Tabung Haji terhadap isu pengurusan dan operasi Lembaga terdahulu; dan
- (b) perkembangan semasa Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai perkara ini.

65. PR-1522-L20128

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah bentuk penyelarasan baharu melibatkan kerjasama koheren bersepada antara semua agensi keselamatan di Malaysia dalam usaha menjaga sempadan darat dan maritim negara daripada pencerobohan pihak luar selepas Kerajaan menamatkan struktur National Task Force (NTF) di bawah Kementerian Pertahanan pada Disember 2022 yang lalu.

66. PR-1522-L20018

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sasaran, tempoh masa dan langkah-langkah yang ditetapkan Kerajaan bagi menangani kadar kemiskinan di Sabah yang ketika ini pada paras 25 peratus atau 1 daripada 4 rakyat Sabah dikategorikan miskin.

67. PR-1522-L20436

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha mengesan dan menangkap balik Jho Low ke muka pengadilan berkaitan dengan peranan utamanya dalam skandal kewangan 1MDB sebanyak RM52 bilion.

68. PR-1522-L19615

**Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah prinsip asas serta program-program yang sedang dan akan dilaksanakan Kerajaan bagi menokthahkan miskin tegar di seluruh negara seperti yang dinyatakan YAB PM bulan lalu.

69. PR-1522-L20784

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah pencarum Tabung Haji di Kepala Batas dan Pulau Pinang; dan
- (b) langkah-langkah untuk meningkatkan jumlah pencarum di Pulau Pinang; dan kuota menunaikan Haji bagi setiap negeri secara terperinci.

70. PR-1522-L20349

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kemajuan yang telah dilaksanakan bagi projek-projek kecil di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM222,000,000 dan apakah bentuk program yang dilaksanakan dan mekanisme pemberian peruntukan tersebut bagi memastikan ia memberi manfaat kepada rakyat.

71. PR-1522-L19626

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kesan kerugian RM607 juta yang ditanggung oleh Pharmaniaga kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang merupakan pemegang saham melalui Boustead Holdings Berhad serta kemampuan LTAT membayar dividen kepada pencarum-pencarum.

72. PR-1522-L20283

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pendirian rasmi Kerajaan Malaysia berkenaan hubungan perdagangan antarabangsa Malaysia dengan Israel serta beberapa syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia tetapi terlibat dalam amalan rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) dengan Israel.

73. PR-1522-L20479

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah dan usaha menyeluruh Kementerian di dalam usaha untuk mengukuh serta mengembangkan hubungan bilateral antara Malaysia dan Indonesia di zon Kepulauan Borneo.

74. PR-1522-L20428

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menambah baik mekanisme semak dan imbang terhadap SPRM dalam melaksanakan fungsi dan perannya secara bebas dan adil tanpa tekanan badan eksekutif.

75. PR-1522-L20198

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan Kerajaan berhasrat mengurangkan jurang penduduk sosioekonomi rakyat Malaysia. Pegangan ekuiti adalah satu aras yang dapat mencerminkan kedudukan ekonomi sesuatu kaum. Berapa ekuiti masyarakat mengikut kaum pada masa sekarang dan apakah sasaran yang hendak dicapai pada tahun 2030.

76. PR-1522-L20241

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bercadang untuk mengkaji semula jumlah elauan sara yang diterima oleh peminjam memandangkan jumlahnya masih sama sejak hampir 10 tahun yang lalu dan memandangkan kadar kos sara hidup yang meningkat.

77. PR-1522-L19683

**Tuan Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kejayaan dasar liberalisasi sektor perkhidmatan. Berapa nilai FDI (Foreign Direct Investment) sektor ini yang terkini.

78. PR-1522-L20808

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apa status portal Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang dibangunkan pada tahun 2019, yang bertujuan menjadi pusat sehenti untuk memudahkan komuniti awam, akademik dan industri membuat rujukan mengenai pelaksanaan dan program-program berkaitan.

79. PR-1522-L19759

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbezaan antara portal Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) yang dikendali oleh MAMPU dengan portal OpenDOSM NextGen yang baru diperkenalkan oleh DOSM serta sama ada kedua-dua Kementerian merancang untuk bekerjasama bagi meningkatkan kualiti data terbuka.

80. PR-1522-L20280

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian senarai jumlah lawatan kerja ke luar negara oleh Ahli-ahli Kabinet Kerajaan dari Januari 2023 hingga April 2023, berapa jumlah perbelanjaan lawatan, negara-negara yang dilawati mengikut portfolio masing-masing.

81. PR-1522-L19640

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bilakah daerah Ranau akan mendapat faedah sepenuhnya daripada inisiatif Digital Nasional atau Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi memperbaiki dan meningkatkan mutu liputan internet yang teruk di kawasan-kawasan pedalaman daerah Ranau.

82. PR-1522-L20299

**Dato' Khlir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini kenaikan kadar elau hilang upaya bagi Veteran Angkatan Tentera yang cedera semasa bertempur dengan pengganas komunis semasa darurat.

83. PR-1522-L20077

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab mengapa Jabatan Peguam Negara masih belum mendakwa pihak tertuduh dalam kes berkaitan laporan polis dengan No. Report: CHERAS/022144/20 bertarikh 20 Oktober 2020 walaupun polis telah mengemukakan siasatan berulang kali. Apakah perkara yang menyebabkan kelewatan ini sedangkan kes ini melibatkan kematian tragis seorang gadis.

84. PR-1522-L20168

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pandangan Kerajaan mengenai keabsahan penggunaan akaun bersumpah (SD) sebagai legitimasi untuk menyatakan sokongan terhadap sesuatu dan apakah terdapat reformasi dalam bidang legislatif negara bagi mengelakkan penyalahgunaan SD yang boleh menjaskan institusi pentadbiran negara.

85. PR-1522-L20951

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah IPTS yang telah ditutup sejak tahun 2020 sehingga 2023 dan bagaimanakah status pelajar yang belajar di IPTS tersebut.

86. PR-1522-L19935

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah tindakan jangka masa sederhana dan panjang pihak Kementerian dalam menangani isu sindiket kebocoran data peribadi lebih 21 juta orang yang menyebabkan orang ramai terdedah kepada penipuan seperti yang dilaporkan oleh Buletin Utama TV3 pada 24 April lalu.

87. PR-1522-L20653

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) fungsi dan peranan penyelaras di DUN dan Parlimen bagi negeri pembangkang; dan
- (b) adakah peruntukan wakil rakyat disalurkan kepada penyelaras DUN dan Parlimen khususnya di kawasan pembangkang.

88. PR-1522-L19705

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kerenah birokrasi supaya menyakinkan pelabur asing untuk melabur di Malaysia.

89. PR-1522-L19872

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 akan dipinda bagi memastikan sebuah Jawatankuasa Tetap Parlimen yang bebas daripada pengaruh kuasa eksekutif Perdana Menteri dapat ditubuhkan untuk mengawal selia isu-isu berkaitan dengan SPRM dan Anti-Rasuah.

90. PR-1522-L20697

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kadar kebolehpasaran graduan (*graduate employability*) kolej dan institut pengajian tinggi awam dan swasta dalam negara bagi tempoh 2018-2022.

91. PR-1522-L20497

**Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos perbelanjaan program Himpunan Madani Kedah yang berlangsung pada 28 April 2023 dan nyatakan perbelanjaan bagi penyanyi jemputan, wang tunai peserta konvoi motosikal serta kos lain yang berkaitan.

92. PR-1522-L20016

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan secara terperinci perancangan Kementerian untuk memperkenalkan rangkaian kedua 5G mulai tahun depan dan reaksi Kerajaan mengenai amaran daripada Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat (AS) mengenai risiko terhadap keselamatan negara dan pelaburan asing.

93. PR-1522-L20848

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan Kerajaan terhadap cadangan tempoh perkhidmatan pekerja kontrak perkhidmatan awam ke lantikan tetap dikurangkan dari 15 kepada 10 tahun seperti yang diusulkan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan sejauh manakah Kerajaan menilai keperluan untuk mengkaji semula dasar pengambilan pekerja kontrak perkhidmatan awam ini.

94. PR-1522-L20581

**Tuan Gobind Singh Deo [ Damansara ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan langkah-langkah yang telah pun atau akan diambil untuk mengalakkan semak fakta (*fact checking*) untuk mengurangkan penyebaran berita-berita palsu yang makin meluas. Nyatakan sama ada sebarang inisiatif akan diambil untuk tujuan ini di sekolah dan universiti sebagai subjek pendidikan dan sekiranya ada, apakah langkah-langkah yang dicadangkan.

95. PR-1522-L20561

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah terdapat usaha bersama Kementerian-Kementerian lain bagi meneliti pembangunan kluster-kluster industri dan adakah Kerajaan bersedia menjadikan Petaling Jaya sebagai kluster industri yang menumpukan kepada bidang teknologi hijau, *artificial intelligence* dan penyelidikan serta pembangunan.

96. PR-1522-L19901

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam memperbaiki mutu Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di kawasan Kota Marudu dalam menangani situasi bencana seperti banjir kerana Pusat Pemindahan Sementara masih kekurangan fasiliti asas seperti air, makanan dan khemah sementara kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam situasi bencana.

97. PR-1522-L20435

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah ada langkah bersama diambil oleh Kementerian Komunikasi dan Digital, Kementerian Kewangan dan Kementerian Dalam Negeri untuk mencegah dan menghapus kegiatan *scammer* di negara ini.

98. PR-1522-L19504

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan hasrat Kerajaan untuk membina sebuah universiti khas bagi memastikan semua murid cemerlang dapat melanjutkan pelajaran tanpa mengira kaum dan agama tetapi mengikut syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Ini adalah kerana, kapasiti universiti awam yang terhad dan persaingan yang sengit menyebabkan hampir 20 ribu pemohon tidak mendapat tempat di universiti awam setiap tahun meskipun layak melepassi syarat.

99. PR-1522-L20550

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menyambung semula program MyBrain bagi membolehkan graduan kita menyambung pengajian peringkat sarjana dan PhD.

100. PR-1522-L19810

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu-isu berkenaan dengan 1MDB yang masih belum diselesaikan dan sedang diteliti oleh Task Force 1MDB yang telah ditubuhkan baru-baru ini, termasuklah perkembangan terkini rundingan Kerajaan Malaysia dengan Goldman Sachs dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

101. PR-1522-L20554

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status terkini mesyuarat antara lima buah Kementerian berhubung laporan mengenai isu ketirisan subsidi diesel yang dilaporkan menjangkau hampir RM10 bilion dan adakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan laporan tersebut dalam tempoh terdekat.

102. PR-1522-L20161

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimana Kementerian memperkuatkannya peranan Malaysia dalam arena antarabangsa dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi termasuk bidang penyiaran dan penghasilan konten.

103. PR-1522-L20821

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status pencapaian internet berkelajuan tinggi di Kawasan Padang Rengas. Memandangkan kawasan Parlimen Padang Rengas tidak mendapat capaian internet yang maksimum.

104. PR-1522-L20568

**Tuan Gobind Singh Deo [ Damansara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada suatu Badan Siasatan Khas akan diwujudkan untuk menerima dan menyiasat aduan salah guna kuasa terhadap pegawai-pegawai berkuasa dan sekiranya ada nyatakan proses yang akan diwujudkan bagi tujuan tersebut.

105. PR-1522-L20498

**Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos keseluruhan perbelanjaan bagi penggunaan jet peribadi untuk Perdana Menteri Malaysia ke-10 sejak bulan Disember 2022 hingga April 2023 dan nyatakan destinasi serta tujuan kegunaan.

106. PR-1522-L19854

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berapa dana dan pemain Industri yang terlibat dengan pelaksanaan PEMANGKIN.

107. PR-1522-L19563

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tujuan sebenar Program eKasih dan berapa sebenarnya jumlah penduduk Malaysia yang tersenarai dalam eKasih tersebut bagi setiap daerah dan setiap negeri dan wilayah di seluruh negara, adakah jumlah itu berkurangan atau bertambah dari tahun ke tahun.

108. PR-1522-L20408

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan keseluruhan daripada penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani di enam buah negeri iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

109. PR-1522-L20377

**Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

(a) perincian peserta Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) mengikut kategori dan peringkat umur serta berapa peruntukan yang telah diguna pakai dari Februari 2023 sehingga kini ; dan

(b) apakah bantuan dan sokongan Kementerian terhadap negeri-negeri yang mencatatkan penyertaan peserta IPR yang rendah termasuk sebarang perancangan alternatif untuk membantu golongan sasaran yang terkesan.

110. PR-1522-L19606

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jelaskan adakah wujud perancangan kerjasama dengan jabatan dan agensi agama Islam di Sabah untuk menangani isu kemiskinan golongan asnaf.

111. PR-1522-L20804

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan holistik Kementerian untuk mengurangkan kenaikan harga barang mentah yang meningkat dan berapa lama Menu Rahmah dapat bertahan dengan kenaikan kos bahan mentah yang semakin meningkat ini.

112. PR-1522-L19793

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kesiapsiagaan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dalam menghadapi pilihan raya di 6 buah negeri dan berapa anggaran kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan.

113. PR-1522-L19595

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah pelaburan yang direalisasikan bagi sektor industri pembuatan dan perkhidmatan bagi tempoh suku tahun pertama 2023 serta nyatakan perbandingan dengan tempoh yang sama bagi tahun 2022.

114. PR-1522-L20301

**Dato' Khlir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa jumlah anggota Veteran Angkatan Tentera yang tidak berpencen dan berapa bilangan anggota yang masih belum menerima bantuan sara hidup terutama bagi anggota yang bertugas semasa darurat.

115. PR-1522-L20229

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status terkini pemberian komputer riba percuma kepada pelajar yang layak. Berapa jumlah pelajar yang layak dari Parlimen Tanjong Manis.

116. PR-1522-L20790

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aset-aset Tabung Haji yang telah dijual dan berapakah jumlah pendapatan oleh Tabung Haji daripada aset-aset yang masih dimiliki Tabung Haji.

117. PR-1522-L20089

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimanakah pelaburan di dalam platform digital e-dagang benar-benar membawa inovasi kepada industri tempatan dari segi teknologi pertukaran yang menghasilkan reka cipta baru. Apakah statistik yang menunjukkan perkara ini berlaku.

118. PR-1522-L20249

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan secara terperinci tentang bagaimana pihak Kerajaan Persekutuan akan menguruskan keseluruhan RM170 bilion jumlah pelaburan yang diperoleh daripada pelabur China seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada awal April 2023 lalu.

119. PR-1522-L19553

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi memastikan surat-surat biasa Perkhidmatan POS Malaysia untuk penduduk kampung dihantar terus ke alamat rumah penduduk kerana amalan meletakkan surat-surat biasa di warung-warung atau kedai-kedai menyebabkan banyak berlaku kehilangan. Banyak juga urusan yang melibatkan tarikh seperti surat panggilan temuduga kerja telah terlepas peluang kerana lewat diterima.

120. PR-1522-L20106

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan berkenaan status terkini perbincangan isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) serta bilakah dijangkakan isu Perjanjian Malaysia 1963 ini dapat dilaksanakan mengikut isi kandungan perjanjian yang telah ditandatangi ini seperti yang diaspirasikan oleh YAB Perdana Menteri.

121. PR-1522-L20321

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji dan menggunakan semula nama asal Laut Melayu di perairan kita memandangkan ia adalah nama asalnya mengikut sejarah.

122. PR-1522-L19812

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah undang-undang pendanaan politik akan dibentangkan di dalam sidang ini dan adakah cadangan masyarakat civil untuk pendanaan awam akan diterima, memandangkan pengaruh politik wang akibat tiada undang-undang berkenaan membuka ruang rasuah dan mengakibatkan pengaruh tidak wajar oleh pihak berkepentingan.

123. PR-1522-L19650

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk "memborneonisasikan" Perkhidmatan Awam Persekutuan di Sabah seperti mana yang dikehendaki oleh rakyat di negeri ini seperti yang terkandung dalam Memorandum 20 Perkara semasa Kerajaan North Borneo (Sabah) sebagai syarat bagi Sabah untuk menyertai pembentukan Malaysia.

124. PR-1522-L20521

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar bahawa kabinet telah bersetuju untuk menubuhkan RCI bagi meneliti dakwaan buku Tommy Thomas bertajuk "My Story: Justice in The Wilderness" dan jika benar, apakah status penubuhan tersebut.

125. PR-1522-L20107

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan usaha untuk membasmi kemiskinan tegar seperti yang pernah diumumkan YAB Perdana Menteri serta apakah inisiatif Kerajaan untuk memperkasakan program-program pembasmian kemiskinan sedia ada.

126. PR-1522-L20213

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi Jabatan Peguam Negara menfaikan rayuan pada 8 Mac 2023 terhadap keputusan mahkamah tinggi yang memerintahkan laporan siasatan pihak berkuasa Malaysia terhadap nahas pesawat Nomad pada 6 Jun 1976 didedahkan kepada umum dan nyatakan alasan dan sebab-sebab laporan ini diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan dikekalkan status ini selama 47 tahun.

127. PR-1522-L19523

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengenai inisiatif untuk membantu anak sulung dalam keluarga B40 melanjutkan pengajian ke universiti dengan penawaran biasiswa dan sejauh mana perbezaannya dengan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG).

128. PR-1522-L20032

**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah agenda yang telah berjaya dilaksanakan oleh pentadbiran Kerajaan Perpaduan dalam memartabatkan semangat Perjanjian Malaysia 1963. Nyatakan juga agenda baharu yang akan diteliti untuk dilaksanakan dalam memastikan kemakmuran di Wilayah Sarawak dan Sabah.

129. PR-1522-L21031

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah perkembangan terkini kejayaan TERAJU di dalam menggalakkan penyertaan Bumiputera di dalam industri strategik mencakupi aspek pertahanan dan keselamatan, pembinaan moden dan aeroangkasa seperti mana yang terkandung di dalam Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) di bawah pelan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TBP2030).

130. PR-1522-L19790

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa kadar kebolehpasaran lepasan siswazah di Malaysia pada tahun 2022 mengikut bidang pengkhususan mereka.

131. PR-1522-L19923

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan ataupun indikasi pelan mitigasi kita setakat ini dalam menangani masalah inflasi dan kenaikan kos sara hidup.

132. PR-1522-L19787

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan reformasi polisi yang akan dilaksanakan bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi tumpuan pelaburan langsung asing (FDI) yang kini ketinggalan berbanding Indonesia dan Vietnam.

133. PR-1522-L20140

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini mengenai rundingan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) seperti tuntutan komposisi satu pertiga kerusi bagi Sabah dan Sarawak di Dewan Rakyat serta lain-lain perkara yang sedang dalam perbincangan dan bilakah sasaran untuk menyelesaikan rundingan ini sekaligus menunjukan komitmen Kerajaan Persekutuan.

134. PR-1522-L19485

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh Industri Halal Malaysia sejak pelancaran Halal Industry Master Plan 2030 (HIMP 2030) pada 23 Mac 2023.

135. PR-1522-L19879

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya pihak Kerajaan mempunyai perancangan untuk penambahan jumlah kerusi Parlimen di wilayah Sabah dan Sarawak.

136. PR-1522-L20775

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) usaha Kementerian dalam menangani isu muflis dalam kalangan belia; dan
- (b) pelan jangka pendek, sederhana dan panjang Kementerian ke arah meningkatkan literasi kewangan terutama golongan belia.

137. PR-1522-L20783

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) status dan jumlah pembeli perumahan penjawat awam Malaysia (PPAM) Permatang Sintok; dan
- (b) apakah tindakan pihak kerajaan terhadap pemaju dan kesan pembeli rumah atas kelewatan pembinaan perumahan penjawat awam Malaysia ini.

138. PR-1522-L20393

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasrat Kementerian untuk menaik taraf sekolah tahfiz dan pondok terutamanya di daerah Baling.

139. PR-1522-L20483

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bantuan yang dibelanjakan untuk kes-kes bencana alam terperinci, mengikut pecahan daerah, daripada Januari 2013 sehingga Disember 2022.

140. PR-1522-L19951

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada Kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan membina jalan raya yang baik dan memudahkan akses ke Taman Negara Mulu melalui bandar Miri memandangkan kini Taman Negara Mulu yang mampu menarik pelancong asing hanya boleh disampai melalui pengangkutan udara.

141. PR-1522-L20599

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai usaha Kerajaan mengatasi masalah kebanjiran warga asing di bawah agensi UNHCR yang terlalu ramai tanpa kawalan sewajarnya serta tanpa kemudahan manusia sehingga mereka terlantar merata-rata menyusahkan rakyat.

142. PR-1522-L21028

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah perkembangan usaha pihak Kementerian untuk membangunkan teknologi kenderaan elektrik (EV) tempatan bagi memenuhi agenda kelestarian mobiliti negara seiring dengan Dasar Automotif Negara (NAP) 2020, Dasar Pengangkutan Negara (NTP) 2019 - 2030 dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021 - 2030.

143. PR-1522-L20785

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos lawatan Perdana Menteri keluar negara dan jumlah pelaburan-pelaburan yang telah berjaya dibawa masuk dari setiap negara yang dilawati.

144. PR-1522-L20505

**Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia bekerjasama dengan Kementerian dan agensi berkaitan untuk mengaplikasikan konsep wakaf di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan, pendidikan, pertanian, perladangan dan perdagangan.

145. PR-1522-L20721

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh mana tahap kemajuan projek yang dipantau oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) terutamanya bagi projek Sanglang Integrated Jetty (SIJ).

146. PR-1522-L20802

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) potensi kenaikan kadar inflasi di Malaysia akibat daripada pengapungan harga ayam dan telur pada Julai 2023; dan
- (b) tindakan yang akan diambil Kerajaan sekiranya pengapungan membawa kepada kenaikan mendadak harga ayam dan telur .

147. PR-1522-L20380

**Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah penjimatan yang telah diambil Kerajaan khususnya dalam penganjuran majlis besar-besaran seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri bagi mengelakkan pembaziran perbelanjaan Kerajaan.

148. PR-1522-L20843

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah pencapaian terkini Pihak Berkuasa Berkoridor seperti Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) khususnya terhadap pembangunan wilayah Sabah dan Sarawak termasuk tumpuan kepada aktiviti ekonomi utama.

149. PR-1522-L21010

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memberikan insentif kepada mana-mana syarikat yang ingin melabur ke dalam bidang stesen pengecas kenderaan elektrik (*EV Charging Station*) agar Malaysia mampu mencapai Negara Bebas Karbon 2030.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Insolvensi (Pindaan) 2023.

2. **Menteri Komunikasi Dan Digital**

- \* Rang Undang-Undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |                                 |   |                           |
|---------------------------------|---|---------------------------|
| 1. ( D.R 1/2023 )               | Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al-Qur'an<br>(Pindaan) 2023        | Bacaan Kali<br>Yang Kedua |
| <b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b> |   |                           |
| 2. ( D.R 15/2023 )              | Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan<br>(Pindaan) (No.2) 2023           | “                         |
| <b>[ Perdana Menteri ]</b>      |   |                           |
| 3. ( D.R 16/2023 )              | Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah<br>(Pindaan) (No.2) 2023    | “                         |
| <b>[ Perdana Menteri ]</b>      |   |                           |
| 4. ( D.R 17/2023 )              | Rang Undang-Undang Kesihatan Mental (Pindaan)<br>2023                 | “                         |
| <b>[ Perdana Menteri ]</b>      |   |                           |
| 5. PR-1522-U(27)254             | <b>Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]</b> akan mencadangkan : |                           |

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

6. PR-1522-U(27)255

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

7. PR-1522-U(27)256

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan ]**

8. PR-1522-U(27)257

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

**[ Menteri Ekonomi ]**

9. PR-1522-U(27)258

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

10. PR-1522-U(27)259

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1522-U(27)260

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang pro-LGBT dan pro-liberalisme. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan pro-LGBT dan pro-liberalisme di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

12. PR-1522-U(27)261

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

13. PR-1522-U(27)262

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

14. PR-1522-U(27)263

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di dalam kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

15. PR-1522-U(27)264

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi bajet 2023. Dalam ucapan bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepatkan saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

16. PR-1522-U(27)265

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

17. PR-1522-U(27)266

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

18. PR-1522-U(27)267

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

19. PR-1522-U(27)246

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan. "

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

20. PR-1522-U(27)247

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah- buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan. "

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

21. PR-1522-U(27)248

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengutamakan penternak dan pengeluar tempatan. Sementara Kerajaan tidak mengawal harga telur import dari luar negara ke Malaysia, maka adalah adil untuk Kerajaan menghapuskan kawalan harga terhadap telur ayam kerana "unfair advantage" kepada para pengimpor telur ayam dalam saingan sedangkan penternak-perternak tempatan pula mengalami kerugian akibat kos pengeluaran yang tinggi.

Keputusan Kerajaan untuk mengimport telur ayam daripada beberapa sumber luar seperti India dan Thailand sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi bukanlah penyelesaian yang tuntas dan ia sebenarnya adalah suatu tindakan yang mendiskriminasi penternak dan pengeluar tempatan memandangkan Malaysia pernah diangkat sebagai pengeksport telur kelima terbesar di dunia ketika era sebelum pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah Kerajaan yang berpaksi kukuh di atas mandat rakyat, adalah disarankan agar Kerajaan tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan bersifat dangkal memandangkan penternak dan pengeluar tempatan yang menanggung implikasinya secara total serta satu mekanisme yang lebih ampuh perlu dilandaskan bagi membela nasib penternak dan pengeluar tempatan."

#### **[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

22. PR-1522-U(27)249

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah dan kesukaran para penumpang menuntut balik wang yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk tempahan tiket penerbangan akibat pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan semasa pandemik dan pasca COVID-19.

Ramai penumpang menghadapi kesukaran menukar "credit shell" kepada pembayaran tiket penerbangan disebabkan pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Gejala ini semakin serius berikutan pembatalan penerbangan yang sangat kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan serta tiada pembayaran balik secara tunai kepada penumpang.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) digesa untuk menyiasat perkara ini serta mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat penerbangan yang mengenakan syarat-syarat ketat dan tidak munasabah dalam soal "*redemption of credit shell*" demi melindungi kepentingan penumpang."

#### **[ Menteri Pengangkutan ]**

23. PR-1522-U(27)251

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan dasar perolehan di peringkat Kerajaan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan sekali gus merancakkan ekonomi di peringkat domestik dengan peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam membantu syarikat tempatan kekal berdaya saing dan memastikan survival mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu mereka dan memastikan perolehan kerajaan diisi oleh syarikat-syarikat ini yang berkemampuan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini termasuk sektor pengangkutan, pembuatan, kesihatan, perkilangan, perkilangan, dan semua sektor lain.

Dalam sesebuah projek Kerajaan, selain pemberian projek, ia juga akan melibatkan pembekalan komponen, barang mentah dan input yang berlainan. Kerajaan harus memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat di setiap lapisan perolehan yang dibuat, bersesuaian dengan kemampuan dan kualiti yang ditawarkan.

Kerajaan juga dalam masa sama perlu merangka modul yang menetapkan standard supaya syarikat-syarikat tempatan di setiap sektor dapat memastikan produk mereka menepati piawaian yang ditetapkan."

**[ Menteri Kewangan ]**

24. PR-1522-U(27)252

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan perancangan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap polisi ekonomi gig yang lebih mampan. Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku beberapa tahun ini, sektor ini telah menjadi pilihan graduan, OKU, ibu tunggal, pesara dan penganggur dalam kalangan B40 untuk menyara keluarga mereka.

Antara masalah yang mereka hadapi adalah ketiadaan polisi khusus untuk menjaga kebijakan mereka, mereka tidak mendapat faedah gaji minimum, pendapatan yang tidak konsisten bergantung kepada permintaan aplikasi dan mereka tidak diiktiraf di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 67).

Dengan perkembangan pesat ekonomi digital kini, Kerajaan seharusnya merancang dan mengiktiraf pekerja dalam sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara, dalam masa sama menjaga kebajikan mereka dengan mengimbangi perkembangan daya saing mereka dalam pelbagai bidang."

#### [ Menteri Ekonomi ]

25. PR-1522-U(27)253

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan sebuah model, kaedah dan pendekatan patuh syariah yang memudahkan rakyat terkesan seperti kemiskinan situasi, bencana alam, kejutan ekonomi merudum dan sebagainya mendapatkan bantuan kewangan melalui pinjaman tanpa/rendah faedah bagi memastikan mereka dapat memastikan kelangsungan kehidupan keluarga terjamin dalam situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan.

Keadaan semasa mereka yang menghadapi kesulitan hidup memilih jalan pintas untuk keluar dari kemelut tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya akan menimbulkan keretakan struktur sosial negara yang pasti menjelaskan pembentukan generasi mendatang serta keutuhan institusi keluarga.

Kerajaan perlu mengatasi perkara ini segera kerana ia akan memberi kesan langsung kepada bakat negara dan penentuan peningkatan produktiviti."

#### [ Menteri Kewangan ]

26. PR-1522-U(27)250

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengesak Kerajaan mengkaji persempadanan semula kawasan pilihan raya di Sabah dan Sarawak melalui tambahan jumlah kerusi Parliment di wilayah Sabah dan Sarawak untuk mencukupkan jumlah 35% kerusi dari wilayah Sabah dan Sarawak atau sekurang-kurangnya 7 kerusi bagi wilayah Sabah. Melalui usul ini, saya mengusul agar Parliment Kudat dengan keluasan 2300 kilometer persegi di mana terdapat 2 daerah penuh dan 1 daerah kecil dengan kedudukan geografi yang terpisah dapat dibahagi kepada dua kawasan Parliment."

#### [ Perdana Menteri ]

27. PR-1522-U(27)268

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya konsep MADANI yang berteraskan kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi gagasan pentadbiran negara."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2022</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 193	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Bagi Tahun 2020	22 Mei 2023
<b><u>TAHUN 2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 66	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Bagi Tahun 2021	22 Mei 2023
ST. 82	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Bagi Tahun 2022	22 Mei 2023
ST. 83	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit Bagi Tahun 2022	22 Mei 2023
ST. 87	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Bagi Tahun 2021	22 Mei 2023
ST. 89	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2021	22 Mei 2023
ST. 93	AKTA RACUN 1952 Peraturan-Peraturan Racun (Pengecualian) (Pembatalan) 2023 P.U (A) 71/2023 yang diwartakan pada 21 Mac 2023	22 Mei 2023
ST. 95	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan (KWSMP) Bagi Tahun 2021	22 Mei 2023
CMD. 26	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) Bagi Tahun 2021	22 Mei 2023

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 22.05.2023 (Isnin)	1. YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)	1. Penambahbaikan Model Perniagaan dan Pelaburan GLC/GLIC	1. YB Menteri Kewangan
2. 22.05.2023 (Isnin)	2. YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)	2. Isu Penyelengaraan dan Baik Pulih Jalan Persekutuan di Paya Besar	2. YB Menteri Kerja Raya
3. 22.05.2023 (Isnin)	3. YB Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar)	3. Cadangan Mengurangkan Kesesakan Lalu Lintas Kritikal dan Berbahaya di Kampung Bukit Kapar, Klang	3. YB Menteri Kerja Raya
4. 22.05.2023 (Isnin)	4. YB Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar)	4. Jajaran Projek ECRL Menjeaskan Kehidupan Penduduk di Taman Sungai Sireh	4. YB Menteri Pengangkutan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**